**NOTA PERINGATAN:**

Segala maklumat di dalam risalah ini hanyalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai hujah di dalam mana-mana prosiding mahkamah.

## ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SABAH

**MAHKAMAH TINGGI SYARIAH NEGERI SABAH**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-257032 088-258549
FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KOTA KINABALU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH
WISMA MUIS, JALAN SEMBULAN
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-256570 FAKS:088-256477

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BEAUFORT**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH BEAUFORT,
PETI SURAT 624, 89808 BEAUFORT
TEL:087-221434 FAKS:087-221442

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SANDAKAN**
BANGUNAN URUSETIA NEGERI
PETI SURAT 3317, 90737 SANDAKAN
TEL:089-670150, 089-670154, 089-670155
FAKS:089-670150

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TAWAU**
BANGUNAN MOKKA HOLDING, JALAN ABACA,
PETI SURAT 1882
91043 TAWAU
TEL:089-765942, 089-760908
FAKS:089-765942

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KUDAT**
TINGKAT 2, BANGUNAN URUSETIA DAERAH
PETI SURAT 286, 89058 KUDAT
TEL:088-611804 FAKS:088-611804

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH KENINGAU**
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH KENINGAU
PETI SURAT 184, 89008 KENINGAU
TEL:087-336227, FAKS:087-339980

## JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

TINGKAT 3, BANGUNAN USIA
BEG BERKUNCI NO. 130, 88739 KOTA KINABALU
TEL:088-253579 FAKS:088-219066

# JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SABAH

# PERMOHONAN PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA



## DEFINISI

Permohonan yang dibuat oleh ahli-ahli waris atau mana-mana pihak yang berkepentingan untuk mendapatkan perintah mahkamah bagi membahagikan, mengurus tadbir atau mendapatkan perakuan pewarisan ke atas harta peninggalan si mati.

## SEKSYEN

Seksyen 11 (3)(b)(viii) dan (ix) Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004 memperuntukkan bahawa Mahkamah Syariah berbidangkuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan atau prosiding adalah berhubungan dengan:

(i) Pembahagian dan perwarisan harta berwasiat atau tak berwasiat;

(ii) Pelantikan wasi (wali harta atau pentadbir);

(iii) Penentuan orang-orang yang berhak atau bahagian-bahagian kepada harta pusaka si mati.

Seksyen 15 Enakmen yang sama memperuntukkan bahawa mahkamah syariah boleh memperakukan fakta-fakta yang didapati oleh mahkamah syariah itu atas permohonan mana-mana mahkamah atau pihak berkuasa atau mana-mana orang yang berkepentingan.

## PROSEDUR PENDAFTARAN

(i) Permohonan pendaftaran kes boleh difailkan oleh ahli-ahli waris atau mana-mana pihak yang berkepentingan di Mahkamah Syariah.

(ii) Dokumen pendaftaran kes hendaklah difailkan seperti berikut:

(a) Surat iringan pemfailan kes

(b) Notis Permohonan

(c) Afidavit Sokongan

(d) Salinan kad pengenalan pemohon

(e) Salinan sijil nikah atau pengesahan nikah daripada Jabatan Agama (jika pemohon adalah suami/isteri simati)

(f) Salinan sijil kematian atau resit perakuan kematian

(g) Salinan dokumen harta yang dituntut

(h) Salinan dokumen yang menunjukkan pertalian atau kaitan pemohon dengan si mati

(i) Wakalah Peguam Syarie (jika guna khidmat peguam)

(j) Lain-lain dokumen berkaitan